



HARUN (dua kiri) bertukar dokumen MoU bersama Vincent di majlis itu.

UMS meterai MoU dengan MIH dalam bidang pengkomersilan

UB 6-4-2016 A2

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Satu memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Malaysia Innovastion Hub (MIH) ditandatangani untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang pengkomersilan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata kerjasama itu adalah sebagai menyokong usaha kerajaan Malaysia untuk memupuk dan merencanakan ekosistem inovasi.

“MoU ini juga sebagai menyokong usaha kerajaan Malaysia untuk menyemarakkan lagi Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016.

“Ia merencanakan pengkomersilan dengan mewujudkan industri baharu melalui pembentukan syarikat terbitan universiti dan

membuka peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat,” katanya pada majlis MoU di antara UMS dan MIH, di sini kelmarin.

Beliau berkata dengan termeterainya MoU itu, produk penyelidikan dan pembangunan UMS yang berpotensi kini dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Katanya bidang kerjasama di antara kedua-dua pihak termasuklah perkongsian kepakaran teknikal UMS dan kepakaran mengkomersil MIH.

“Kita juga akan berkongsi penggunaan kemudahan dan peralatan penyelidikan yang ada di UMS dan sumber-sumber MIH.

“Kerjasama yang dijalankan dalam bidang lain turut akan menguntungkan kedua-dua pihak,” katanya.

Menurutnya, MoU itu juga dapat mewujudkan

syarikat ‘spin off’ sebagai ‘special purpose vehicle’ (SPV), sebagai medium memperkenalkan produk UMS ke pasaran Malaysia dan antarabangsa.

Dengan itu katanya, MIH boleh memohon dana daripada kerajaan atau pelabur khususnya untuk memastikan SPV dapat mengkomersilkan produk.

“Kita menang banyak anugerah pertandingan di peringkat antarabangsa tetapi cabarannya untuk menjual produk itu kepada pihak industri dan masyarakat.

“Oleh itu, dengan kerjasama dengan MIH kita dapat melangkah ke hadapan bagi memastikan kejayaan ini bukan sahaja untuk UMS tetapi juga Malaysia,” katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif MIH Vincent Wong Wai Seng.